

U B594 DEB
PARLIMEN - PETRONAS

KUALA LUMPUR, 6 NOV (BERNAMA) -- ROYALTI YANG DIBERIKAN OLEH PETRONAS KEPADA NEGERI-NEGERI YANG MEMPUNYAI SUMBER MINYAK ADALAH MENCUKUPI WALAUPUN KINI PETRONAS MENCATATKAN KEUNTUNGAN YANG MENGGALAKKAN, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT, HARI INI.

ROYALTI ITU TIDAK PERLU DITAMBAH KERANA ADALAH LEBIH ADIL JIKA PENDAPATAN LEBIHAN PETRONAS ITU DIAGIH-AGIHKAN KE NEGERI-NEGERI YANG KURANG BERNASIB BAIK KERANA TIADA SUMBER MINYAK, KATA BELIAU SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN HAJI BUJANG ULIS (BEBAS-SIMUNJAN).

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA, SELAIN DARIPADA PEMBAYARAN ROYALTI, PETRONAS JUGA MEMBUAT PELABURAN YANG BESAR DI NEGERI-NEGERI TEMPAT IA BEROPERASI ITU.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ASAL ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG) SEBELUM ITU, BELIAU BERKATA, PETRONAS BERJAYA MENCATATKAN KEUNTUNGAN YANG KIAN MENINGKAT SEJAK TIGA TAHUN LEPAS.

KEUNTUNGAN PETRONAS SELEPAS DITOLAK BAYARAN ROYALTI, DUTI EKSPORT, CUKAI DAN SEMUA PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN AM BAGI 1984 IALAH \$2,922 JUTA, 1985 SEBANYAK \$3,805 JUTA MANAKALA BAGI 1986 PULA BERJUMLAH \$3,848 JUTA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. - LAGI.
1613MST 06 11 87

D892

U B600 DEB
PARLIMEN - PETRONAS 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA, KEUNTUNGAN BAGI 1986 TIDAK BERTAMBAH BANYAK DARIPADA KEUNTUNGAN TAHUN SEBELUMNYA KERANA TINDAKAN KERAJAAN MALAYSIA MENGURANGKAN PENGELUARAN MINYAKNYA SEJAJAR DENGAN CADANGAN OPEC UNTUK MENEGUHKAN HARGA BAHAN ITU.

MENGENAI PELABURAN PULA, BELIAU MEMBERITAHU ENCIK LEE BAHAWA SEHINGGA 30 SEPTEMBER TAHUN INI, PELABURAN PETRONAS DI DALAM DAN LUAR NEGERI SEBANYAK \$12,769 JUTA.

PELABURAN ITU IALAH SIMPANAN DI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN DALAM NEGERI (\$8,974 JUTA) DAN SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA (\$3,700 JUTA), SEMENTARA PELABURAN LUAR NEGERI PULA BERJUMLAH \$95 JUTA, KATA PERDANA MENTERI. - BERNAMA.
1630MST 06 11 87